



1 Jun 2025

Kenyataan Media

CAWANGAN BAHARU PUSPAKOM LANGKAWI MULA BEROPERASI DI KUAH 1 JUN 2025

Langkawi, 1 Jun 2025 – PUSPAKOM Sdn Bhd (“PUSPAKOM”) membuka cawangan baharunya di Langkawi bagi memberikan kemudahan yang lebih selesa dan mudah diakses kepada penduduk pulau itu untuk mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan.

Cawangan baharu yang terletak di PT2942, Persiaran Bunga Raya Kuah ini menandakan komitmen berterusan PUSPAKOM dalam memperluaskan capaian perkhidmatan di lokasi strategik bagi manfaat pelanggan.

Pembukaan cawangan ini dijangka akan memudahkan urusan pelanggan persendirian dan komersial di Langkawi untuk menjalani pemeriksaan kenderaan mengikut piawaian keselamatan dan peraturan jalan raya Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman menyifatkan, cawangan baharu yang diwujudkan di “Permata Kedah” itu merupakan antara komitmen PUSPAKOM untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

“Pembukaan cawangan baharu di Langkawi mencerminkan komitmen kami untuk memastikan akses yang lebih meluas kepada perkhidmatan pemeriksaan, selain menyediakan lokasi yang lebih strategik dan hampir dengan pusat bandar,” kata Mahmood.

Cawangan PUSPAKOM Langkawi menawarkan perkhidmatan seperti Pemeriksaan Awalan, Pemeriksaan Berkala, Pemeriksaan Tukar Hak Milik, Pemeriksaan Sewa-Beli dan lain-lain, serta beroperasi dari Ahad hingga Khamis bermula 8.00 pagi hingga 5.30 petang.

Dengan kapasiti pemeriksaan sehingga 100 kenderaan sehari, ia dilengkapi kemudahan seperti ruang menunggu berhawa dingin, surau dan tandas, serta dua lorong pemeriksaan untuk meningkatkan kecekapan operasi.

“Pembinaan cawangan tetap ini merupakan sebahagian daripada kempen #MacamBaharu iaitu satu inisiatif transformasi PUSPAKOM dalam menuju ke arah menjadi organisasi yang lebih kompetitif, berkualiti serta berintegriti sejajar dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam industri pemeriksaan kenderaan di Malaysia,” tambah Mahmood.


“Berbekalkan pengalaman lebih tiga dekad dalam industri ini, serta transformasi berterusan untuk kecemerlangan perkhidmatan, PUSPAKOM akan terus mendahului pasaran walaupun dengan kemunculan pesaing kelak,” ujar Mahmood lagi.

Sebelum pembukaan PUSPAKOM Langkawi, pelanggan mendapatkan pemeriksaan kenderaan di tapak pemeriksaan sementara PUSPAKOM yang terletak di Kompleks Kilim. Tapak sementara ini telah beroperasi sejak tahun 2023 menggunakan Unit Trak Bergerak PUSPAKOM dan akan menamatkan operasinya pada 30 Mei 2025.

- TAMAT -

Gambar-gambar permulaan operasi cawangan PUSPAKOM Langkawi pada 1 Jun 2025







Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Siti Khairuddin

Ketua Bahagian Komunikasi Pemasaran & Pembangunan Perniagaan

PUSPAKOM Sdn Bhd

Tel: 03-2052 7769 H/P: 012 – 382 8550

Elly

Jabatan Komunikasi

PUSPAKOM Sdn Bhd

Tel: 03-2052 7464 H/P: 018 – 666 2808

MENGENAI PUSPAKOM

Selepas 30 tahun konsesi, dan dengan liberalisasi industri, PUSPAKOM kini merupakan pemegang lesen pemeriksaan kenderaan pertama Malaysia.

Peranan utama kami adalah melakukan pemeriksaan kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan memastikan kenderaan mereka berada dalam kondisi yang selamat digunakan dan mematuhi peraturan alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini dicapai melalui pemeriksaan yang teliti dan menyeluruh untuk memastikan pematuhan kepada peraturan keselamatan kerajaan.

Kami mempunyai rangkaian 53 pusat pemeriksaan di seluruh negara yang dilengkapi dengan peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi. Selain itu, kami mempunyai 30 tapak lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan kawasan terpencil.

Kami turut menawarkan Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak bagi kemudahan pelanggan yang tidak dapat hadir ke cawangan. Perkhidmatan ini melibatkan:

- *Trak Bergerak – Untuk syarikat yang mempunyai banyak kenderaan seperti pengendali kenderaan perdagangan, syarikat penghantaran, sekolah memandu, dan pengedar. Antara pemeriksaan yang ditawarkan termasuk Pemeriksaan Awalan, Berkala, dan Sewa Beli (B7).*
- *Van Bergerak – Untuk pemilik kenderaan persendirian bagi urusan seperti pertukaran hak milik, pembaharuan cukai jalan, dan pendaftaran kenderaan import.*

Pelanggan boleh membuat tempahan Perkhidmatan Bergerak melalui www.mypuspakom.com.my, manakala tempahan secara pukal boleh dibuat dengan menghubungi marketing@puspakom.com.my.

Dengan 10 Trak Bergerak, 36 Van Bergerak dan 4 Unit Ringan, kami komited untuk memberikan perkhidmatan pemeriksaan yang pantas, cekap dan profesional – terus ke lokasi pelanggan.